



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

TIMBALAN NAIB CANSelor
(HAL EHWAJ PELAJAR DAN ALUMNI)

Pusat Hal Ehwal Pelajar
Tel.: 06-798 6163 / 6190

DEPUTY VICE-CHANCELLOR
(STUDENT AFFAIRS AND ALUMNI)

Ruj. Kami: USIM.700-9/1/33 (2)
Tarikh : 11 Safar 1447/5 Ogos 2025

SENARAI EDARAN SEBAGAIMANA LAMPIRAN 1

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR BERTERASKAN ILMU NAQLI DAN AQLI (iNaQ) UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali ke-967 Bil. 25/2025 yang bersidang pada 22 Julai 2025 telah bersetuju meluluskan Etika Berpakaian Pelajar Berteraskan Ilmu Naqli dan Aqli (iNaQ) USIM berkuatkuasa mulai **22 Julai 2025**.

... 3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan Etika Berpakaian Pelajar Berteraskan Ilmu Naqli dan Aqli (iNaQ) USIM untuk makluman dan perhatian YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan dan seterusnya dipanjangkan kepada semua staf, badan pelajar dan pelajar di bawah seliaan masing-masing. Etika Berpakaian Pelajar tersebut juga boleh dimuat turun melalui laman web Pusat Hal Ehwal Pelajar.

4. Sebarang maklumat lanjut berkaitan perkara ini, YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan boleh merujuk kepada Seksyen Penajaan, Kebajikan dan Tatatertib, Pusat Hal Ehwal Pelajar di talian 06-798 6151/ 6160/ 6101 atau melalui emel miraasyikin@usim.edu.my/pengarah.hep@usim.edu.my.

Segala kerjasama dan perhatian YBrs. Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

Saya yang menjalankan amanah,

(PROFESSOR MADYA DR. MUSHADDAD HASBULLAH)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Sains Islam Malaysia

s.k.: i. Penasihat Badan Pelajar
ii. Penggerusi/Presiden Badan Pelajar

1/5

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

Knowledgeable, Disciplined and Devout



CERTIFIED TO MS 1900 : 2014
CERT. NO.: QMS 00107



CERTIFIED TO MS 1900 : 2014
CERT. NO.: QMS 00107



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164

CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO.: QMS 02164



SENARAI EDARAN

DEKAN

1. **YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani**
Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
2. **YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Zohdi Mohd Amin**
Dekan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
3. **YBrs. Prof. Madya Dr. Abdul Manan Ismail**
Dekan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
4. **YBrs. Prof. Madya Dr. Syahidawati Hj. Shahwan**
Dekan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat
5. **YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Zalisham Jali**
Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi
6. **YBrs. Prof. Madya Dr. Razrim Rahim**
Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
7. **YBrs. Prof. Madya Dr. Zainur Rijal Abdul Razak**
Dekan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama
8. **YBrs. Dr. Ainuddin Yushar Yusof**
Dekan, Fakulti Pergigian
9. **YBrs. Prof. Madya Dr. Nurul Syala Abdul Latip**
Dekan, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
10. **YBrs. Prof. Madya Dr. Zoraida Mustafa**
Dekan, Pusat Pengajian Teras
11. **YBrs. Prof. Madya Dr. Juliana Jumal**
Dekan, Pusat Tamhidi
12. **YBrs. Prof. Madya Dr. Norfadhilah Mohamad Ali**
Dekan, Institut Sains Islam

USIM.700-9/1/33 ()

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

13. **Encik Md. Ishah Rahman**
Pengarah, Pusat Hal Ehwal Pelajar
14. **Encik Mohd Asri Husain**
Pengarah, Pusat Sukan
15. **YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Sakinah Ali Pitchay**
Pengarah, Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah
16. **YBrs. Dr. Hisham Sabri**
Pengarah, Pusat Keusahawanan Universiti
17. **Encik Razman Ibrahim**
Pengarah, Pusat Islam
18. **Encik Mohd Salehudin Sukor**
Pengarah, Pusat Kebudayaan
19. **YBrs. Dr. Nik Mohd Shafikudin Md Taujuddin**
Pengarah, Pusat Kesihatan Universiti
20. **YM Raja Mariam Raja Mohd Esa**
Pengarah, Pusat Perumahan Pelajar
21. **YBrs. Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Salleh**
Pengarah, Pusat Wakaf dan Zakat

TIMBALAN DEKAN (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) FAKULTI/ PUSAT TAMHIDI

22. **YBrs. Dr. Mohd Faridh Hafez Mhd Omar**
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
23. **YBrs. Dr. Nidzamuddin Zakaria**
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
24. **YBrs. Profesor Madya Dr. Nisar Mohammad Ahmad**
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Syariah dan Undang-Undang

USIM.700-9/1/33 ()

25. **YBrs. Prof. Madya Dr. Muhamad Azrin Nazri**
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Ekonomi dan Muamalat
 26. **YBrs. Prof. Madya Dr. Ahmad Nazrul Rosli**
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Sains dan Teknologi
 27. **YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Radzniwan A Rashid**
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
 28. **YBrs. Dr. Hamadallah Mohammad Salleh**
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Pengajian Bahasa Utama
 29. **YBrs. Dr. Ahmad Dzulfikar Samsudin**
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Pergigian
 30. **YBrs. Profesor Madya Ir. Dr. Juliza Jamaludin**
Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
 31. **Puan Zunaidah Ismail**
Timbalan Dekan
Pusat Tamhidi
- PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN**
32. **YBrs. Dr. Syaza Azhari**
Pengetua, Kolej Kediaman Nilam Court
 33. **YBrs. Dr. Shikh Mohd Shahrul Nizan Shikh Zahari**
Pengetua, Kolej Kediaman Sutera Indah
 34. **YBrs. Dr. Muhammad Raqib Mohd Sofian**
Menjalankan Tugas Pengetua, Kolej Kediaman 1
 35. **YBrs. Dr. Haji Sulaiman Ismail**
Pengetua, Luar Kampus
 36. **Puan Nora Ardilla Nordin**
Pengetua, Kolej Kediaman Pandan

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB YANG MEMPUNYAI BADAN PELAJAR

37. **YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Faizal Kasmani**
Pengarah, Pusat Komunikasi Strategik
38. **YBrs. Dr. Mohd Helmi Masor @ Mansor**
Ketua Jabatan, Jabatan Perpustakaan
39. **Cik Nor Hayati Adam**
Menjalankan Tugas Pengarah,
Pusat Pematuhan Syariah, Integriti, Pengurusan Risiko dan Keselamatan dan Kesihatan
Pekerjaan
40. **Encik Mohd Shahrul Nizam Mohamed Shamsuddin**
Pengarah, Jabatan Keselamatan
41. **YBrs. Prof. Madya Dr. Haji Norakyairee Mohd. Raus**
Pengarah, Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI)
42. **YBrs. Prof. Dr. Noor Fadzilah Zulkifli**
Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik
43. **YBrs. Dr. Sofia Hayati Yusoff**
Pengarah, USIM 'ALAMIYYAH
44. **Puan Hariza Mohd Yusof**
Pengarah, Pusat Penerbit

**ETIKA BERPAKAIAN PELAJAR
BERTERASKAN INTEGRASI ILMU NAQLI DAN AQLI (iNaQ)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

PADA menjalankan tugas-tugas dan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah Kaedah 28, Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Sains Islam Malaysia) (Tatatertib Pelajar) 2024, Naib Canselor dengan ini mengeluarkan arahan berhubung Etika Berpakaian Pelajar seperti berikut:

1. PERMULAAN

- 1.1 Etika Berpakaian Pelajar ini digubal berteraskan lima (5) Maqasid Shariah iaitu Pemeliharaan Agama (*Hifz Al-Din*), Pemeliharaan Nyawa (*Hifz Al-Nafs*), Pemeliharaan Akal (*Hifz Al-Aql*), Pemeliharaan Keturunan (*Hifz Al-Nas*) dan Pemeliharaan Harta (*Hifz Al-Mal*).
- 1.2 Etika Berpakaian Pelajar ini bertujuan untuk memastikan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sentiasa mematuhi Etika Berpakaian Pelajar sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengurusan Universiti.
- 1.3 Etika Berpakaian Pelajar ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Sains Islam Malaysia.
- 1.4 Etika Berpakaian Pelajar ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan peruntukan undang-undang berikut:
 - (a) Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Sains Islam Malaysia) (Tatatertib Pelajar) 2024;
 - (b) Perlembagaan Universiti Sains Islam Malaysia;
 - (c) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;
dan hendaklah termasuk sebarang pindaan-pindaan yang terkandung di dalamnya.

2. TAFSIRAN

Dalam Etika Berpakaian Pelajar ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain:

“Pelajar” ertinya seorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan Universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada praijazah atau lepasan ijazah secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau daripada Universiti, dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah.

“Orang yang diberi kuasa” ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa sewajarnya oleh Naib Canselor untuk bertindak bagi pihak Universiti.

“Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (iNaQ)” ertinya paduan antara ilmu bersumberkan wahyu dan ilmu aqli yang membentuk insan yang bertakwa dan bertamadun.

“Maqasid Shariah” ertinya tujuan pensyariatan hukum Islam untuk memelihara kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat melalui tiga kategori: Dharuriyyat (memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, harta), Hajiyat (memudahkan kehidupan), dan Tahsiniyat (menyempurnakan kehidupan).

“Hifz al-Din” ertinya Pemeliharaan agama merupakan objektif utama dalam Maqasid Shariah yang merujuk kepada usaha memelihara dan melindungi kesucian agama Islam serta memastikan pelaksanaan tuntutan agama dapat dilakukan dengan sempurna.

“Hifz al-Nafs” ertinya Pemeliharaan nyawa adalah prinsip Maqasid Shariah yang menekankan kepentingan menjaga keselamatan dan kesejahteraan nyawa manusia daripada sebarang bentuk kemudaratan atau bahaya.

“Hifz al-Aql” ertinya Pemeliharaan akal merupakan aspek Maqasid Shariah yang memfokuskan kepada usaha melindungi dan mengembangkan pemikiran serta minda manusia agar dapat berfungsi dengan baik dalam membuat pertimbangan yang wajar.

“Hifz al-Nasl” ertinya Pemeliharaan keturunan adalah prinsip Maqasid Shariah yang bertujuan untuk menjaga kesucian nasab dan maruah manusia dengan menghalang sebarang perkara yang boleh mencemarkan kehormatan diri dan keturunan.

“Hifz al-Mal” ertinya Pemeliharaan harta merujuk kepada prinsip Maqasid Shariah yang menekankan kepentingan menjaga dan menguruskan harta dengan cara yang halal serta menghindarkan pembaziran dan penyelewengan dalam urusan kewangan.

“Aurat” ertinya Bahagian tubuh badan yang wajib ditutup oleh orang Islam lelaki dan wanita. Bagi wanita, aurat merangkumi seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan, manakala bagi lelaki, aurat merangkumi bahagian antara pusat hingga lutut. Batasan aurat hanya terpakai kepada orang Islam sahaja.

“Berpakaian Sopan” ertinya Berpakaian dengan cara yang menjaga kesusahaannya, tidak keterlaluan, sesuai dengan tempat dan keadaan serta menghormati nilai agama, norma budaya dan masyarakat. Berpakaian sopan adalah terpakai kepada semua orang Islam dan bukan Islam.

3. TATACARA AM

3.1 Pelajar hendaklah sentiasa:

- 3.1.1 Membawa kad pelajar semasa berada di dalam kawasan kampus atau semasa berurusan dengan mana-mana pejabat di dalam kawasan kampus. Pelajar juga perlu mempamerkan kad pelajar sekiranya diminta oleh mana-mana pekerja semasa berada di dalam kawasan kampus.
- 3.1.2 Memakai kasut bertutup, tidak boleh berselipar atau memakai kemeja-T tidak berkollar semasa berada di dalam kawasan kampus atau semasa berurusan dengan mana-mana pejabat di dalam kawasan kampus.
- 3.1.3 Mengamalkan pemakaian yang bersih, kemas dan sopan sesuai dengan norma atau budaya Malaysia.
- 3.1.4 Menjaga kekemasan diri termasuk gaya rambut yang kemas, rapi dan tidak keterlaluan.
- 3.1.5 Bertanggungjawab menjaga imej, penampilan dan tatasusila sebagai seorang pelajar Universiti semasa berada di kawasan kampus.
- 3.1.6 Mematuhi peraturan berpakaian yang ditetapkan di bawah peraturan makmal atau mana-mana peraturan di tempat-tempat atau pusat-pusat di dalam kampus yang mempunyai peraturan yang berasingan.

3.1.7 Mengambil berat tentang sensitiviti pelbagai budaya, agama dan bangsa.

3.2 Pelajar adalah **DILARANG**:

- 3.2.1 Mencacah tatu atau menampal *sticker* di mana-mana anggota tubuh.
- 3.2.2 Mewarnakan rambut selain warna tonal semula jadi serta menggayakan rambut dengan fesyen yang ekstrem atau menyerupai identiti bertentangan dengan nilai Islam seperti rambut mencacak, *punk*, *skinhead* atau mencukur secara bercorak (*goza*).
- 3.2.3 Memakai pakaian yang mendedahkan tubuh atau mencolok mata yang bertentangan dengan hukum Islam dan adab kesopanan orang timur.
- 3.2.4 Memakai pakaian yang melambangkan sebarang pertubuhan atau kumpulan yang bertentangan dengan peraturan Universiti.
- 3.2.5 Memakai pakaian yang menyerupai pakaian agama lain termasuk pakaian yang digunakan dalam ritual ibadat.
- 3.2.6 Memakai pakaian yang mempunyai cetakan, logo berunsur ganas, provokatif dan/atau lucu.
- 3.2.7 Memakai aksesori bertindik selain di telinga serta *sticker* bercorak yang ditampal di bahagian muka.
- 3.2.8 Memakai kanta lekap (*contact lens*) untuk tujuan fesyen dan bukan disebabkan oleh masalah rabun terutamanya yang mencolok mata, pelbagai warna atau bercorak pelik.
- 3.2.9 Memakai pakaian dan perhiasan yang menyerupai jantina berlawanan.
- 3.2.10 Menyimpan kuku panjang, memakai kuku palsu dan mewarnakan kuku.
- 3.2.11 Bersolek secara berlebihan seperti memakai alat-alat solek (bedak, gincu dan lain-lain) yang tebal dan dengan warna yang ketara.

4. TATACARA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN PELAJAR LELAKI

4.1 Menghadiri Sesi Pengajaran/Pembelajaran dan Majlis Rasmi

- 4.1.1 Pelajar hendaklah berpakaian sopan, menutup aurat, kemas (*tuck-in*) iaitu berseluar panjang (*slack*), berbaju kemeja dengan bertali leher atau berbaju kebangsaan yang lengkap, berkasut kulit berwarna hitam dan berstokin.
- 4.1.2 Pemakaian seluar jeans adalah tidak dibenarkan.
- 4.1.3 Pelajar hendaklah memakai kasut bertutup, tidak boleh berselipar atau memakai kemeja-T tidak berkollar.
- 4.1.4 Pelajar hendaklah berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kollar baju, kening dan telinga.

- 4.1.5 Pakaian yang dibenarkan untuk pelajar lelaki sekiranya menutup kepala adalah bersongkok berwarna hitam. Pelajar dilarang memakai sebarang bentuk/jenis topi.

4.2 Berada di Kawasan Kampus

- 4.2.1 Pelajar hendaklah berpakaian sopan, menutup aurat, kemas (*tuck-in*) dan berseluar panjang.
- 4.2.2 Pelajar hendaklah memakai kasut bertutup, tidak boleh berselipar atau memakai kemeja-T tidak berkollar.
- 4.2.3 Pelajar hendaklah berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju, keping dan telinga.
- 4.2.4 Pakaian yang dibenarkan untuk pelajar lelaki sekiranya menutup kepala adalah bersongkok berwarna hitam atau apa-apa bentuk/jenis topi yang bersesuaian. Walaubagaimanapun, pemakaian topi tidak diizinkan di Bangunan Perpustakaan.

4.3 Berada di Kawasan Kolej Kediaman

- 4.3.1 Pelajar hendaklah berpakaian menutup aurat, kemas, bersih dan bersopan semasa berada di luar bilik kediaman.
- 4.3.2 Pelajar hendaklah berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju.
- 4.3.3 Pelajar hendaklah mengikuti tatacara berpakaian ketika menghadiri sesi pengajaran/pembelajaran atau ketika berada di kawasan kampus sekiranya menghadiri majlis rasmi yang diadakan di kawasan kolej kediaman.

4.4 Bersukan dan Beriadah

- 4.4.1 Pemakaian yang longgar dan bersesuaian dengan aktiviti riadah yang akan dijalankan.
- 4.4.2 Pemakaian seluar *tight* sehingga melepassi lutut adalah diwajibkan ketika memakai seluar pendek.
- 4.4.3 Pemakaian adalah dengan cara memasukkan baju *T-shirt* ke dalam seluar *track* (*tuck-in*) bagi tujuan kekemasan dan keselesaan semasa bersukan.
- 4.4.4 Pemakaian hendaklah kelihatan kemas dengan berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju, keping dan telinga.
- 4.4.5 Pemakaian kasut yang bersesuaian ketika menyertai aktiviti sukan atau rekreasi.
- 4.4.6 Seluar *track* yang dipakai hendaklah kelihatan kemas.
- 4.4.7 Seluar *track* yang dipakai hendaklah dizipkan hingga ke penghujung kaki seluar.

5. TATACARA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN PELAJAR WANITA

5.1 Menghadiri Sesi Pengajaran/Pembelajaran dan Majlis Rasmi

- 5.1.1 Pelajar hendaklah berpakaian yang menutup aurat, kemas, sopan dan rapi.
- 5.1.2 Pelajar hendaklah memakai pakaian yang tidak ketat, tidak singkat dan tidak jarang yang boleh mempamerkan susuk tubuh.
- 5.1.3 Pelajar hendaklah memakai kasut yang menutupi jari kaki, lereng kaki dan tumit.
- 5.1.4 Pemakaian purdah adalah tidak dibenarkan.
- 5.1.5 Pemakaian seluar *jeans* adalah tidak dibenarkan.
- 5.1.6 Pemakaian alat solek, aksesori dan pewangi hendaklah secara sederhana.

5.2 Berada di Kawasan Kampus

- 5.2.1 Pelajar hendaklah berpakaian yang menutup aurat, kemas, sopan dan rapi.
- 5.2.2 Pelajar hendaklah memakai pakaian yang tidak ketat (yang boleh mempamerkan susuk tubuh) dan tidak jarang.
- 5.2.3 Pemakaian purdah adalah tidak dibenarkan.
- 5.2.4 Pemakaian seluar *jeans* adalah tidak dibenarkan.
- 5.2.5 Pemakaian alat solek, aksesori dan pewangi hendaklah secara sederhana.

5.3 Berada di Kawasan Kolej Kediaman

- 5.3.1 Pelajar hendaklah berpakaian menutup aurat, kemas, bersih dan bersopan semasa berada di luar bilik kediaman.
- 5.3.2 Pelajar hendaklah mengikuti tatacara berpakaian ketika menghadiri sesi pengajaran/pembelajaran atau ketika berada di kawasan kampus sekiranya menghadiri majlis rasmi yang diadakan di kawasan kolej kediaman.

5.4 Pakaian sukan/riadah

- 5.4.1 Pemakaian yang longgar dan bersesuaian dengan aktiviti riadah yang akan dijalankan.
- 5.4.2 Pemakaian kain tudung yang tidak terlalu labuh namun masih menutup aurat dan kelihatan kemas supaya selesa ketika bersukan.

- 5.4.3 Pemakaian *T-shirt* yang berlengan pendek hendaklah disertai dengan sarung tangan (dari lengan hingga ke pergelangan tangan).
- 5.4.4 Pemakaian kasut yang bersesuaian ketika menyertai aktiviti sukan atau rekreasi.
- 5.4.5 Seluar *track* yang dipakai hendaklah dizipkan hingga ke penghujung kaki seluar sebagai kekemasan berpakaian sukan.
- 5.4.6 Seluar *track* yang dipakai hendaklah longgar, serap peluh dan berwarna gelap.

6. PENGUATKUASAAN PERATURAN

6.1 Tempat Dikuatkuasakan

- 6.1.1 Penguatkuasaan peraturan hendaklah berlaku di tempat-tempat seperti berikut:
 - i. lokasi sesi pengajaran/pembelajaran dan majlis rasmi (termasuk lokasi aktiviti atau program anjuran USIM);
 - ii. kawasan kampus (termasuk lokasi peperiksaan); dan
 - iii. kolej kediaman.

6.2 Agen Penguatkuasaan

6.2.1 Staf Akademik

diberi kuasa memberi peringatan kepada dan menghalang pelajar yang tidak mematuhi peraturan di atas daripada menyertai sesi pengajaran dan pembelajaran atau sebarang aktiviti fakulti.

6.2.2 Staf Pentadbiran

diberi kuasa memberi peringatan kepada dan menghalang pelajar yang tidak mematuhi peraturan di atas daripada memasuki, beruruskan atau menggunakan apa-apa kemudahan di dalam kawasan kampus.

6.2.3 Staf Keselamatan

diberi kuasa menyoal siasat, memberi peringatan kepada dan menghalang pelajar yang tidak mematuhi peraturan di atas daripada memasuki atau meninggalkan kawasan kampus.

6.3 Peruntukan Penguatkuasaan dan Hukuman

6.3.1 Kaedah 28, Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Sains Islam Malaysia) (Tatatertib Pelajar) 2024

- i. Kaedah 28 (1) Seseorang pelajar hendaklah berpakaian dengan sopan dan sesuai semasa menghadiri kuliah, tutorial, kelas, peperiksaan, bengkel atau semasa terlibat atau menghadiri apa-apa kegiatan di dalam Kampus.

ii. Kaedah 28 (2) Seseorang pelajar hendaklah mematuhi apa-apa arahan bertulis yang dikeluarkan oleh Naib Canselor yang berhubungan dengan cara berpakaian pelajar di dalam Kampus.

iii. Kaedah 28 (3) Mana-mana pelajar yang melanggar subkaedah (1) melakukan suatu kesalahan tatatertib.

6.3.2 Kaedah 31, Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar) 2024 - Hukuman Tatatertib Terus oleh Pihak Berkuasa Tatatertib

i. Kaedah 31 (1) Pihak Berkuasa Tatatertib boleh menurut budi bicaranya, sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan amaran atau denda tidak melebihi lima ratus ringgit ke atas mana-mana pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah perenggan 3(1)(i) dan kaedah 23, 24, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46 dan 47 di hadapan, atau yang dilihat oleh pihak berkuasa tatatertib.

ii. Kaedah 31 (2) Pihak berkuasa tatatertib hendaklah, sebelum hukuman dikenakan ke atas pelajar itu, memaklumkan pelajar itu tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan oleh pelajar itu dan memberi pelajar itu suatu peluang untuk membuat, dengan segera, representasi lisan berkenaan dengan kesalahan tatatertib itu.

iii. Kaedah 31 (3) Apabila hukuman yang disebut dalam subkaedah (1) dikenakan, pihak berkuasa tatatertib hendaklah dengan serta-merta menyerahkan kepada pelajar itu suatu notis pengenaan hukuman dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib.

iv. Kaedah 31 (4) Kaedah 63 dan 64 hendaklah terpakai sekiranya hukuman yang dikenakan di bawah subkaedah (3) adalah denda.

6.3.3 Kaedah 58, Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Sains Islam Malaysia) (Tatatertib Pelajar) 20024 - Hukuman Tatatertib

i. Kaedah 58 (1) Mana-mana pelajar yang didapati bersalah atas apa-apa kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini boleh dikenakan satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai seperti yang berikut:

(a) Amaran;

(b) Khidmat masyarakat mengikut peraturan-peraturan yang dibuat oleh Lembaga yang tidak melebihi 24 jam;

(c) denda tidak melebihi lima ratus ringgit;

(d) dilarang daripada berada di dalam mana-mana bahagian Kampus bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib;

(e) dibuang atau dilarang untuk tinggal di asrama;

- (f) bagi kesalahan yang berhubungan dengan perkara akademik, digantung daripada menduduki mana-mana peperiksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Universiti;
 - (g) digantung daripada menjadi seorang pelajar Universiti bagi suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa tatatertib atau;
 - (h) dipecat daripada Universiti.
- ii. Kaedah 58 (2) Berkenaan dengan kesalahan tatatertib dibawah Kaedah 8, pihak berkuasa tatatertib boleh, dengan kelulusan Senat, sebagai tambahan kepada hukuman di bawah subkaedah (1), mengenakan hukuman gred gagal bagi mana-mana kursus pengajian tertentu atau semua kursus pengajian semasa semester yang dinyatakan itu.
 - iii. Kaedah 58 (3) Bagi maksud kaedah ini ----
 - (a) "semester" bermaksud suatu tempoh masa yang diuntukkan oleh Senat bagi maksud kuliah, peperiksaan dan apa-apa kegiatan pendidikan; dan
 - (b) "khidmat masyarakat" ertiannya apa-apa perkhidmatan atau apa-apa kegiatan yang dilakukan demi kebaikan orang awam keseluruhannya.
 - iv. Kaedah 58 (4) Mana-mana pelajar yang tidak mematuhi hukuman yang disebut dalam perenggan (1)(b) boleh dikenakan denda lima ratus ringgit.

6.4 Teras iNaQ Berkaitan Etika Berpakaian Pelajar

6.4.1 Surah Al-A'raf, ayat 26 bermaksud:

"Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu pakaian untuk melindungi auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan dan pakaian taqwa itulah yang paling baik. Oleh yang demikian itu adalah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka selalu ingat." (Surah Al-A'raf: 26)

Huraian:

Pakaian bukan hanya untuk menutup aurat dan berpenampilan baik, tetapi juga mencerminkan ketakwaan seseorang kepada Allah SWT.

6.4.2 Surah An-Nur, ayat 31 bermaksud:

"Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya mereka menundukkan pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka..." (Surah An-Nur: 31)

Huraian:

Menetapkan kewajipan menutup aurat bagi wanita Muslimah sebagai lambang kesopanan dan penjagaan maruah.

6.4.3 Hadis tentang berpakaian menutup aurat, Rasulullah SAW bersabda bermaksud:

"Dua golongan ahli neraka yang belum aku lihat, salah satunya ialah wanita yang berpakaian tetapi telanjang, berlenggang-lenggok, kepala mereka seperti bonggol unta. Mereka tidak akan masuk syurga dan tidak akan mencium baunya..." (Hadis Riwayat Muslim, no. 2128)

Huraian:

Hadis ini memberi amaran kepada wanita yang berpakaian tetapi tidak menepati syariat – pakaian ketat, jarang atau mendedahkan tubuh.

6.4.4 Hadis tentang pakaian yang menyerupai jantina berlainan:

"Rasulullah SAW melaknat lelaki-lelaki yang menyerupai wanita dan wanita-wanita yang menyerupai lelaki." (Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 5885)

Huraian:

Menyerupai jantina bertentangan dari segi pakaian, tingkah laku atau gaya adalah dilarang keras dan mencemar fitrah manusia.

6.4.5 Hadis larangan menyerupai agama lain daripada Ibn Umar R. Anhuma, Rasulullah SAW bersabda bermaksud:

"Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia adalah daripada kalangan mereka." [Riwayat Abu Daud (4031)].

Huraian:

Hadith ini menunjukkan larangan keras dan amaran bagi sesiapa yang menyerupai orang kafir pada ucapan, perbuatan, pakaian, perayaan, ibadah dan lain-lain perkara yang tidak disyariatkan serta ditetapkan ke atas kita.

6.4.6 Hadis larangan melakukan Al-Qaza' daripada Ibn Umar R. Anhuma bermaksud:

"Bahawa Rasulullah SAW melarang melakukan Al-Qaza". Hadis riwayat Imam Bukhari (5921) dalam **Sahih**-nya dan Imam Imam Muslim (2120) dalam **Sahih**-nya.

Huraian:

Qaza' bererti mencukur sebahagian rambut dan membiarkan sebahagian yang lain secara bercorak kecuali bagi tujuan perubatan (berbekam dan lain-lain). Larangan ini termasuk ke atas lelaki dan wanita dan hikmahnya dikatakan ialah kerana memburukkan ciptaan Allah SWT.

6.4.7 Hadis larangan membuat tatu daripada Abdullah bin Mas'ud bahawa Nabi SAW bersabda bermaksud:

"Allah SWT melaknat orang yang membuat tatu dan orang yang meminta dibuat tatu. Orang yang mencabut bulu kening dan orang yang diminta cabut bulu keningnya. Orang yang menjarangkan giginya demi kecantikan sehingga mengubah ciptaan Allah SWT".

Huraian:

Hadis ini menjadi dalil berkaitan pengharaman mencacah tatu, mencabut atau menipiskan bulu kening serta menjarangkan gigi demi kecantikan kerana mengubah ciptaan Allah SWT.

7. KUATKUASA DAN PINDAAN

- 7.1 Etika Berpakaian Pelajar ini telah diperakukan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Panel Syariah (MJPS) Kali ke-35 Bil. 2/2025 pada 16 Mei 2025 dan telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Kali ke-967 Bil. 25/2025 pada 22 Julai 2025.
- 7.2 Etika Berpakaian Pelajar ini berkuatkuasa pada **22 Julai 2025**.
- 7.3 Peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa secara bertulis.

8. PENUTUP

Etika Berpakaian Pelajar ini disediakan bagi memastikan setiap pelajar menzahirkan penampilan yang menutup aurat, sopan, kemas dan beretika selaras dengan tuntutan syarak serta norma masyarakat Malaysia. Pematuhan terhadap garis panduan ini bukan sahaja mencerminkan jati diri sebagai warga Universiti, malah memperkukuh imej institusi dalam melahirkan graduan berakhhlak dan berwibawa. Semua pelajar hendaklah sentiasa mematuhi peraturan ini dan menjadikannya sebagai panduan dalam kehidupan seharian di kampus.

**Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia**